

Saya Takut

Nurhayati Rosli



Setelah selesai menyiapkan tugas sekolah masing-masing, Nabil dan Nabilah duduk di ruang tamu sambil menonton rancangan kegemaran mereka di televisyen. **Gelak** tawa mereka memenuhi ruang tamu. Sedang mereka seronok menonton, tiba-tiba keadaan menjadi gelap-gelita.

“Ahhhhhh.....” pekik Nabilah.

“Sabar Nabilah, biar Abang periksa apa yang sedang berlaku,” kata Nabil dengan nada yang tenang.



Nabil beredar dari situ sambil meraba-raba sekelilingnya. Lama juga Nabil menghilang. Sementara menunggu Nabil kembali, Nabilah cuba menenangkan dirinya. Jantungnya berdegup kencang.

“Abang, kenapa lama sangat?” **rungut** Nabilah. Nabilah berasa pelik kerana abangnya tidak berkata apa-apa. Nabilah cuba mencari telefon bimbitnya. Dia pasti telefon bimbitnya berada di atas sofa.

“Eh, mana pula perginya telefon bimbitku ini?” Nabilah berkata sambil mengesat **keringat** yang mula membasahi dahinya. Tidak lama selepas itu, Nabilah ternampak cahaya dari dapur rumah mereka. Cahaya itu seolah-olah bergerak ke arahnya. Nabilah semakin takut. Dia memejamkan matanya erat.

“Eh, mana perginya cahaya tadi?” Nabilah mula tertanya-tanya sambil menggosok-gosok matanya yang tidak gatal.

Sekali lagi, Nabilah menteriak nama abangnya.

“Boooo!!!” sergah Nabil yang muncul di depan Nabilah secara tiba-tiba. Nabil mentertawakan adiknya

yang kelihatan sangat takut dalam cahaya yang **samar-samar**.


“Usahlah takut, cuma bekalan elektrik terputus sahaja,” pujuk Nabil sambil menghulur sebatang lampu suluh kepada Nabilah. Nabil kemudian bergerak ke arah pintu utama rumahnya. Dia seakan mencari sesuatu.

“Abang hendak ke mana?” tanya Nabilah.

“Tunggu sahaja di situ. Abang mahu cari sesuatu,” balas Nabil.

“Abang, Nabilah takut. Abang temanlah Nabilah...” Nabilah merayu kepada abangnya.

“Abang sedang mencari kotak suis elektrik. Abang pernah melihat Ayah melakukan sesuatu



kepada kotak suis elektrik itu. Manalah tahu Abang boleh menghidupkan bekalan elektrik yang terputus,” jawab Nabil.

Sementara Nabil cuba menghidupkan semula bekalan elektrik, Nabilah mencari telefon bimbitnya sekali lagi.

“Aduh!” jerit Nabilah yang tertendang sesuatu.

Rupa-rupanya, telefon bimbit Nabilah sudah terjatuh di lantai. Dalam suasana yang **sepi**, terdengar seseorang memberi salam dari luar rumah.

“Ibu!” jerit Nabilah.



Ibu baru pulang dari kerja. Beliau tahu anak perempuannya pasti dalam ketakutan. Dipeluknya Nabilah **erat** dengan harapan dapat meredakan ketakutannya.

“Ibu, bekalan elektrik terputus. Sudah hampir tiga puluh minit. Panaslah Ibu...” Nabilah mengadu kepada ibunya.

“Ibu tahu. Bukan rumah kita sahaja yang **terjejas**. Seluruh estet perumahan kita gelap-gelita. Ibu masih penat kerana terpaksa mendaki tangga hingga ke tingkat sepuluh,” kata Ibu yang jelas kedengaran masih termengah-mengah.

“Tidak apalah Nabil. Ibu tidak rasa kamu dapat baiki apa-apa. Ibu pasti ada orang yang sudah melaporkan kepada majlis perbandaran,” jelas Ibu. Ibu mengajak Nabil dan Nabilah duduk bersamanya di sofa.


“Panasnya..... Berapa lama kita harus tunggu? Baju Nabilah sudah dibasahi peluh,” kata Nabilah yang tidak henti-henti merungut.

Ibu tersenyum mendengar kata-kata Nabilah. Maklumlah, Nabilah sudah terbiasa dengan alat penghawa dingin.

“Nabilah, cuba bersabar. Mahu dengar sebuah cerita?” pujuk Ibu.

Ibu kemudian menceritakan zaman beliau masih kecil di mana bekalan elektrik di kawasan rumahnya terputus.

Ibu pun memulakan ceritanya...



“Pada masa itu, hari sudah lewat malam. Ibu sudah bersiap-siap untuk tidur. Namun, bekalan elektrik tiba-tiba terputus....”

Seronok Nabil dan Nabilah mendengar kisah yang disampaikan oleh ibu mereka. Mereka tidak sangka pada zaman ibu mereka, kejadian bekalan elektrik terputus berlaku begitu **kerap** sekali. Namun, tiada sesiapa yang merungut.

“Nabilah perlu ingat. Di dunia ini, ada ramai orang lagi yang terpaksa hidup dalam kegelapan. Bukan disebabkan kerosakan pada bekalan elektrik tetapi mungkin kerana peperangan,” jelas Ibu.

“Ada juga yang tidak dapat **melangsaikan** bil elektrik mereka kerana kesempitan wang. Kita harus bersyukur kerana kita tidak perlu lalui kesusahan seperti itu,” sambung Ibu lagi.

Nabil dan Nabilah sekadar mengangguk-angguk sambil mendengar nasihat ibu mereka.

“Dahulu, Ibu ada seorang kawan yang selalu tinggal dalam kegelapan. Ayahnya seorang sahaja



yang bekerja untuk menyara mereka sekeluarga. Ibunya tidak dapat bekerja kerana perlu menjaga empat orang adiknya yang masih kecil. Oleh sebab bil elektrik selalu tertunggak, bekalan elektrik mereka selalu terputus," Ibu mula bercerita.

"Kasihannya... bagaimana kawan Ibu selesaikan kerja sekolahnya?" tanya Nabilah kehairanan.

“Gunakan lampu koridor,” jawab Ibu selamba.

Nabil dan Nabilah terperanjat mendengar jawapan ibu mereka. Mereka cuba bayangkan kesusahan yang perlu dilalui oleh kawan Ibu itu.


“Bagaimana keadaan kawan Ibu sekarang?” tanya Nabil dengan penuh kecurigaan.

“Alhamdulillah...berkat kesabaran dan kerja kerasnya, kawan Ibu kini berjaya menjadi seorang jururawat. Dialah yang menanggung ibu bapa serta persekolahan adik-adiknya,” kata Ibu sambil melemparkan senyuman lebar.

Dalam keseronokan mereka mendengar cerita Ibu, tiba-tiba ruang tamu mereka menjadi terang-benderang. Nabilah merupakan orang pertama yang terlonjak-lonjak kegembiraan. Ibu tersenyum melihat **gelagat** anaknya itu.

“Ibu, Nabil rasa kita patut mempersiapkan diri kita sekiranya kejadian sebegini berulang lagi,” kata Nabil.





“Saranan yang sangat baik Nabil! Esok selepas sekolah, kita ke pasar raya untuk membeli peralatan-peralatan yang boleh membantu kita sekiranya bekalan elektrik terputus lagi,” jawab Ibu.

Sementara Ibu dan Nabil sibuk berbincang, Nabilah kelihatan berdiri di hadapan alat pendingin hawa. Dia sedang menikmati udara sejuk yang meniup ke wajahnya.



Glosari

gelak	suara yg dikeluarkan ketika berasa geli hati
rungut	bersungut
keringat	peluh
samar-samar	kurang jelas
sepi	sunyi
erat	kuat-kuat
terjejas	terganggu
kerap	selalu
melangsaikan	menjelaskan (hutang)
gelagat	tingkah-laku





Trivia

Tahukah kamu Singapura mengalami kejadian bekalan elektrik terputus berteruk setelah 14 tahun pada tahun 2018. Hampir 147,000 pengguna terjejas akibat kejadian itu. Ramai yang menjadi kelam-kabut terutama penjual-penjual makanan bezu. Oleh itu, kita haus selalu mempersiapkan diri untuk menghadapi masa-masa seperti itu.



Aktiviti Bersama Keluarga

Ibu bapa boleh mengajak anak-anak bermain permainan 'Charades' dalam keadaan gelap. Gunakan lampu suluh untuk membantu anda melihat aksi yang digayakan. Jangan asyik sibuk sahaja dengan telefon bijak. Sekali-sekala, letak telefon bimbit itu ketepi.

